



MSM akan tambah pengeluaran gula sebanyak 36%

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd menyasarkan untuk menambah pengeluaran gula sebanyak 36 peratus kepada 1.5 juta tan menjelang 2016 berbanding 1.1 juta tan pada masa ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Chua Say Sin berkata penambahan pengeluaran itu sebahagian besarnya akan digunakan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat serta meneroka pasaran dalam dan luar negara, terutama di Asia Pasifik.

"MSM memperuntukkan RM220 juta menerusi keuntungan tawaran awam permulaan (IPO) untuk peluasan dalaman. Tahun ini kami menyediakan RM85 juta untuk peluasan kapasiti dan gudang, dengan RM37 juta daripadanya sudah digunakan.

"Selain itu, kami juga membangunkan infrastruktur, gudang dan kapasiti pengendalian selari dengan pelan untuk peluasan kapasiti," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini semalam.

Chua berkata jumlah yang dibelanjakan untuk peluasan kapasiti adalah selari dengan peningkatan pengeluaran daripada 3,600 tan kepada 4,600 tan gula mentah cair sehari.

"Kami juga merancang menambah kapasiti penyimpanan gula mentah kepada 37,000 tan berbanding 27,000 tan sedia ada," katanya.

— Bernama